



PROGRAM PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH DI SEKOLAH RENDAH DI MALAYSIA

Chan Yuen Fook¹, Abdul Halim Mohd. Hussin², Gurnam Kaur Sidhu³,
Nazeera Ahmed Bazari⁴ & Rozilah Abdul Aziz⁵

ABSTRAK

Masalah mengenai penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja semakin membimbangkan. Situasi yang mula menular secara drastik ke sekolah seterusnya meracuni generasi muda ini perlulah dibendung dengan segera sebelum keadaan melarat. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menyelidik pelaksanaan program pendidikan pencegahan dadah di sekolah rendah sebagai salah satu usaha negara memerangi gejala penyalahgunaan dadah ini. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif untuk mendapat gambaran yang menyeluruh tentang keberkesanan pelaksanaan PPDa di sekolah dan tertumpu kepada sekolah-sekolah rendah yang berisiko dalam penyalahgunaan bahan di Semenanjung Malaysia. Bagi tujuan triangulasi data, kajian ini dilaksanakan secara rentasan (cross-sectional) di mana pengumpulan data menggunakan pelbagai instrumen kajian seperti soal selidik, temubual, senarai semak dan soalan temubual berstruktur. Implikasi daripada dapatan kajian ini dapat mengolah masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) di sekolah rendah. Masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan murid sekolah perlulah dibendung segera agar misi negara mencapai matlamat sekolah bebas dadah 2012 dapat direalisasikan.

¹ Prof. Madya, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA

² Pensyarah, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA

³ Prof. Madya, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA

⁴ Pensyarah, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA

⁵ Pensyarah, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA



ABSTRACT

Drug abuse among youths has become a matter of grave concern and if left unchecked it could poison the youth of tomorrow. Henceforth, this study was conducted to investigate the effectiveness of the implementation of the drug awareness educational programme (PPDa) for primary schools. The programme referred to as PPDa is a national concerted effort to overcome drug abuse in all Malaysian schools. This study employed both quantitative and qualitative research techniques such as questionnaires, semi-structured interviews and checklists in order to obtain a holistic view on the effectiveness of PPD. The study involved respondents from 51 high risk primary schools in 8 states located in Peninsular Malaysia. The findings of this study revealed that approximately 318 programmes had been held in the 51 schools involved in the study. Lectures and exhibitions were the two dominant activities conducted in most schools. Other activities held collaboratively with other agencies included quizzes, telematches, video shows, demonstrations and school adoption programmes. Nevertheless, the findings revealed that the implementation of the PPDa programme left much to be desired as PPDa teachers are in need for more training, exposure and require comprehensive modules to help them conduct effective counseling in their respective schools. Finally, it cannot be denied that overcoming the threat of drug abuse needs the concerted effort of various bodies if the noble aspirations of a nation free from drugs in 2012 is to be realized.



PENGENALAN

Fenomena penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar sekolah perlu dipandang serius kerana ia mempunyai perkaitan dengan permasalahan disiplin seperti merokok, ponteng sekolah, melawan guru, mencuri, bergaduh dan merosakkan harta benda sekolah. Pada kebiasaannya, pelajar yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah bukan sahaja menghadapi permasalahan disiplin dan akademik tetapi mereka juga terdedah kepada risiko gejala sosial di luar sekolah seperti penglibatan dengan kumpulan samseng, pergaulan bebas, melepak, kehamilan sebelum kahwin dan lari dari rumah (AADK, 2007). Kementerian Pelajaran telah mengatur pelbagai strategi pencegahan awalan bagi menangani permasalahan dadah dalam kalangan pelajar. Salah satu daripada strategi tersebut ialah melalui pelaksanaan Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) di sekolah rendah. Program tersebut ditumpukan di sekolah kerana hasil kajian menunjukkan penagih dadah mula mencuba dadah ketika mereka masih di bangku sekolah lagi iaitu dalam lingkungan usia 13 hingga 17 tahun (Mohd Muzafar Shah & Abdul Malek, 2005). Dengan itu, Program PPDa merupakan salah satu daripada sistem sokongan sekolah ke arah menangani gejala sosial yang melibatkan kalangan pelajar sekolah. Program PPDa ini harus dapat memupuk semangat jati diri pelajar yang seterusnya dapat membentuk nilai murni, budi pekerti yang mulia dan terpuji, kerohanian yang luhur dan memiliki perasaan cinta serta sayang kepada diri, keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan negara (Mohd Muzafar Shah & Abdul Malek, 2005).

Objektif PPDa adalah untuk mewujudkan pemikiran generasi muda yang bebas daripada pengaruh dadah, menyediakan alternatif berfaedah yang dapat mencegah mereka daripada terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan mewujudkan suasana persekitaran yang kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran. Usaha untuk mencegah dadah ditumpukan kepada generasi muda kerana mereka merupakan tulang belakang dan pewaris kepimpinan negara ini pada masa depan. Seperti yang kita sedia maklum, mencegah adalah lebih baik dari mengubat. Dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab kita bagi memastikan generasi masa hadapan hidup aman dan gembira tanpa dadah.



Kementerian Pelajaran Malaysia telah diberi tanggungjawab untuk mengenalpasti, merancang dan melaksanakan segala program dan aktiviti tindakan berhubung dengan pendidikan pencegahan dadah. Walaupun PPDa telah dilaksanakan secara menyeluruh yang meliputi peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan tetapi masih terdapat sebilangan pelajar sekolah yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Perangkaan yang dikeluarkan Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia (2006) menunjukkan bahawa terdapat sebilangan pelajar sekolah yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh pihak berkenaan iaitu dari tahun 2002 hingga 2005 terdapat seramai 1,015 orang pelajar sekolah telah dikenalpasti terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Jadual 1 menunjukkan bilangan pelajar sekolah yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dari tahun 2002 hingga 2005.

Jadual 1: Bilangan Pelajar Sekolah yang terlibat dengan Penyalahgunaan Dadah dari Tahun 2002 hingga 2005

Tahun	Jumlah
2002	402
2003	266
2004	187
2005	160
Jumlah	1,015

Sumber : Bahagian Sekolah (2006)

Seramai 402 orang pelajar sekolah telah dikenal pasti terlibat dengan penyalahgunaan dadah pada tahun 2002. Bilangan tersebut menurun kepada 266 orang pada tahun 2003 dan menurun lagi pada tahun 2004 kepada 187 orang. Pada tahun 2005 pula, 160 orang pelajar sekolah pula dikesan terlibat dengan gejala bahan psikoaktif tersebut. Walaupun terdapat penurunan dalam jumlah kes pelajar sekolah yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dalam tempoh masa tersebut, namun pada hakikatnya permasalahan dadah masih wujud di institusi persekolahan di negara ini dan pihak yang berkuasa perlu bertindak agar fenomena tersebut dapat dihapuskan sepenuhnya.



Berdasarkan keterangan di atas dapatlah dirumuskan bahawa pihak kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran telah melaksanakan pelbagai program untuk mencegah penyalahgunaan dadah dalam kalangan murid-murid. Walau bagaimanapun, sehingga kini, masih lagi terdapat murid-murid sekolah yang terlibat dengan gejala tersebut. Terdapat beberapa pihak daripada sekolah, jabatan pelajaran negeri dan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia menyatakan bahawa program yang dijalankan adalah kurang berkesan kerana ianya dilaksanakan secara ad hoc, bermusim, tidak tertumpu kepada kumpulan pelajar yang berisiko dan melibatkan pelajar sahaja tanpa penglibatan secara menyeluruh daripada pihak ibu bapa, keluarga dan masyarakat. Pada dasarnya, pendidikan pencegahan di sekolah merupakan peluang yang terbaik dalam usaha pencegahan dadah kerana komuniti sekolah merupakan kumpulan yang berpotensi terjebak dalam masalah penyalahgunaan dadah. Oleh yang demikian, warga pendidikan harus mempunyai kefahaman dan kesedaran yang tinggi terhadap pendekatan pencegahan yang berasaskan teori hubungan faktor risiko dan faktor perlindungan.

REKA BENTUK PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif untuk mendapat gambaran yang lebih menyeluruh tentang keberkesanan pelaksanaan PPDa di sekolah. Reka bentuk penyelidikan deskriptif dianggap sesuai untuk memerihalkan keberkesanan pelaksanaan PPDa di sekolah (Cohen, Manion dan Morrison, 2003). Dengan itu, penyelidikan deskriptif telah digunakan untuk memerihalkan pelaksanaan PPDa di sekolah rendah di Malaysia. Lima soalan penyelidikan telah dikenalpasti untuk kajian ini:

1. Apakah aktiviti PPDa dalam aspek pengurusan dan kepimpinan yang telah dilaksanakan di sekolah?
2. Apakah aktiviti PPDa dalam aspek kurikulum yang telah dilaksanakan di sekolah?
3. Apakah aktiviti PPDa dalam aspek ko-kurikulum yang telah dilaksanakan di sekolah?



4. Apakah aktiviti PPDa dalam aspek pembangunan sahsiah yang telah dilaksanakan di sekolah?
5. Apakah agensi luar yang terlibat dalam pelaksanaan aktiviti PPDa di sekolah?

Kajian ini dilaksanakan secara rentasan (cross-sectional) di mana pengumpulan data menggunakan pelbagai instrumen kajian seperti soal selidik, senarai semak dan soalan temubual berstruktur demi tujuan triangulasi data. Perbincangan kumpulan berfokus digunakan untuk memperoleh pandangan dan pengalaman tentang pelaksanaan PPDa daripada pakar rujuk di kementerian, jabatan dan sekolah.

POPULASI DAN PERSAMPELAN

Maklumat dalam Laman Web Kementerian Pelajaran Malaysia menunjukkan sejumlah 7623 buah sekolah rendah di Malaysia. Namun demikian, kajian ini hanya menumpu kepada sekolah-sekolah rendah yang berisiko dalam penyalahgunaan dadah di Semenanjung Malaysia. Setakat ini masih tiada pembahagian sekolah yang jelas bagi sekolah rendah, oleh itu, pemilihan sekolah kajian adalah berpandukan cara pembahagian sekolah menengah yang ditentukan oleh Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia. Secara umum, sekolah menengah di Malaysia dibahagi kepada tiga kelompok iaitu sekolah kelompok merah, biru dan putih mengikut tahap risiko sekolah tersebut terdedah kepada pengaruh dadah dan penyalahgunaan bahan. Sekolah kelompok merah ialah sekolah berisiko tinggi, manakala sekolah kelompok biru ialah sekolah berisiko sederhana dan sekolah kelompok putih ialah sekolah yang bebas daripada ancaman penyalahgunaan dadah. Andaian yang dibuat ialah sekolah rendah yang terletak di kawasan berisiko dianggap juga berisiko di kawasan tersebut.

Oleh kerana kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan pelaksanaan PPDa di sekolah rendah, maka pemilihan sekolah di kawasan berisiko adalah lebih relevan dalam kajian ini. Andaian yang digunakan ialah program PPDa yang dilaksanakan dengan berkesan di sekolah yang terletak di kawasan berisiko akan dapat menghindarkan murid daripada terjerumus dalam perangkap dadah pada masa depan. Dengan itu, kajian ini banyak tertumpu kepada sekolah yang terletak di



kawasan berisiko tinggi dan sederhana. Atas sebab logistik, hanya sekolah rendah di Semenanjung Malaysia dilibatkan dalam kajian ini. Sebanyak 8 negeri telah dipilih untuk kajian iaitu Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, Melaka, Pahang, Johor dan Terengganu yang dapat mewakili kesemua zon di Semenanjung Malaysia. Oleh kerana kajian ini memerlukan lawatan ke tapak kajian, maka ahli penyelidik hanya mampu melawati sejumlah 6 – 8 buah sekolah di setiap negeri yang dikaji. Akhirnya sejumlah 51 buah sekolah rendah yang terletak di kawasan berisiko tinggi dan sederhana telah dipilih dari 8 negeri yang dikaji.

Setelah sekolah kajian dipilih, persampelan kelompok pelbagai peringkat (*multicluster sampling*) digunakan mengikut cadangan Cohen, Manion dan Morrison (2003). Setiap kelompok sampel kajian terdiri daripada responden dari pelbagai lapisan. Sampel kajian bagi Soal Selidik Guru terdiri daripada pentadbir sekolah seperti Guru Besar, Guru Penolong Kanan 1 (Tadbir & Kurikulum) Guru Penolong Kanan 2 (Hal Ehwal Murid), Guru Penolong Kanan 3 (Ko-kurikulum), Setiausaha PPDa, Guru Bimbingan dan Kaunseling, dan Guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan dipilih atas sebab penglibatan mereka dalam pengendalian Program PINTAR atau PROSIDAR di sekolah. Manakala, sampel kajian untuk instrumen senarai semak hanya memfokus kepada GPK 3 (Ko-kurikulum), Ketua Guru Kaunseling dan Bimbingan, Ketua Guru Disiplin dan Setiausaha PPDa.

Bagi Soal Selidik Murid hanya murid tahun lima dipilih yang terdiri daripada 1 kelas murid baik, 1 kelas murid sederhana dan 1 kelas murid lemah. Andaian dibuat ialah atas dasar murid-murid Tahun Lima besar kemungkinan telah melalui pelbagai program pendidikan pencegahan dadah (PPDa) dan mempunyai kesedaran tentang penyalahgunaan dadah pada tahap tertentu. Berdasarkan bilangan sekolah yang dipilih mengikut klasifikasi yang ditetapkan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia, dianggarkan jumlah responden guru dalam kajian ini ialah lebih kurang 500 orang mengikut cara soal selidik, lebih kurang 150 orang responden guru mengikut cara senarai semak, dan lebih kurang 50 orang responden guru mengikut cara temubual berstruktur dalam kumpulan fokus. Manakala bagi murid Tahun 5, dianggarkan lebih kurang 3500 orang murid akan dilibatkan dalam kajian soal selidik murid.



Manakala persampelan subjek kajian untuk bengkel adalah dipilih mengikut spesifikasi dalam menjawab Soalan Temubual Berstruktur dalam kumpulan fokus. Teknik perbincangan kumpulan fokus ini telah dikendalikan dalam dua bengkel berasingan dalam bulan Januari 2009 dan Mei 2009 untuk mengumpulkan maklumat tentang masalah pelaksanaan dan strategi penambahbaikan pelaksanaan Program Pendidikan Pencegahan Dadah di peringkat sekolah, negeri, daerah dan kebangsaan. Kumpulan fokus ini dirancang untuk melibatkan lebih kurang 50 orang pakar dalam pencegahan penyalahgunaan bahan yang terdiri daripada Pegawai AADK, Pegawai PPDa peringkat negeri dan kementerian, Guru Penolong Kanan HEP, Guru Penolong Kanan Kokurikulum, Guru Displin, Guru Bimbingan dan Kaunseling, Setiausaha PPDa dan Guru Pendidikan Jasmani dari Tahun Empat hingga Enam di dalam dua bengkel kerja yang dijalankan. Dengan itu, saiz sampel guru dan murid dalam kajian ini didapati melebihi daripada saiz sampel sebanyak 384 responden seperti mengikut kiraan Krejcie dan Morgan (1970). Dengan saiz sampel yang berjumlah lebih kurang 3500 orang, ahli penyelidik berkeyakinan dengan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian yang diperoleh melalui kajian ini.

PROGRAM YANG DINILAI

Program yang dinilai dalam kajian ini ialah Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) yang dikendalikan di sekolah untuk mencapai matlamat 'Sekolah Bebas Dadah' pada 2012. Program ini dilaksanakan melalui empat strategi utama iaitu pengurusan dan kepimpinan, kurikulum, kokurikulum dan pembentukan sahsiah antidadah. Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) yang utama di sekolah rendah terdiri daripada Program PINTAR dan Program PROSIDAR. Nama penuh bagi Program PINTAR ialah *Program Intelek Asuhan Rohani* yang melibatkan murid dari Tahun Empat hingga Tahun Enam di lebih kurang 800 sekolah rendah di Malaysia. Manakala, Program PROSIDAR ialah *Program Sifar Dadah Sekolah Rendah* yang melibatkan kesemua sekolah rendah dari Tahun Satu hingga Enam di Malaysia. Program PROSIDAR dilancarkan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian untuk menggantikan Program PINTAR mulai pada Jun 2008. Selain daripada itu, terdapat juga aktiviti lain seperti Program 5 Minit Dadah, Minggu Antidadah, Program Gerak Sedar Bersepadu (PROGRESS), Ceramah Antidadah, Pameran Antidadah, Aktiviti Seni Jauhi Dadah, Bilik Sumber dan Sudut PPDa,



Karnival Antidadah dan sebagainya yang dilaksanakan di sekolah rendah. Tidak kira apa aktiviti atau program yang dilancarkan di bawah PPDa, objektifnya masih menumpu kepada peningkatan pengetahuan, kefahaman, kemahiran PPDa dalam kalangan murid, guru dan kakitangan sekolah supaya dapat mengelakkan diri daripada terjebak dengan dadah. Oleh itu, fokus penilaian harus tertumpu kepada program yang telah dilaksanakan dan impak PPDa secara keseluruhan serta huraian tentang faktor-faktor perlindungan dan risiko yang telah mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan PPDa di sekolah.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang diperoleh daripada instrumen penyelidikan yang diedarkan menunjukkan bahawa program PPDa yang telah dilakukan di sekolah rendah meliputi empat aspek utama iaitu pengurusan dan kepimpinan, kurikulum, ko-kurikulum dan pembentukan sahsiah.

Pengurusan dan Kepimpinan

Jadual 2 di bawah merupakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sekolah-sekolah kajian dalam aspek pengurusan dan kepimpinan. Didapati sebanyak 93 peratus (Min=.93, SP=.30) daripada sekolah kajian menjalankan aktiviti pemeriksaan murid membawa rokok. Ia diikuti dengan takwim PPDa di sekolah kajian dan carta organisasi jawatankuasa PPDa (Min=.91, SP=.28), fail pengurusan PPDa (Min=.91, SP=.32), pekeliling pencegahan dadah (Min=.90, SP=.37), jawatankuasa PPDa (Min=.89, SP=.31), bilik sumber/sudut/laluan PPDa (Min=.86, SP=.35). Seterusnya diikuti dengan aktiviti-aktiviti seperti penyediaan visi, misi, perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan pelaporan PPDa (Min=.85, SP=.36), penyimpanan rekod penglibatan murid dengan aktiviti PPDa (Min=.75, SP=.43), pelaksanaan program keibubapaan (Min=.73, SP=.52), penerapan PPDa dalam perkembangan staf (Min=.68, SP=.52), penganugerahan sijil pengiktirafan PPDa kepada murid (Min=.64, SP=.66), penyimpanan rekod murid terlibat dengan dadah/rokok/inhalan/alkohol (Min=.63, SP=.54) dan penilaian program PPDa (Min=.55, SP=.64).



Jadual 2: Aktiviti-Aktiviti Yang Dijalankan di Peringkat Sekolah dalam Aspek Pengurusan dan Kepimpinan (n=144)

Aktiviti	Min	SP
Pemeriksaan murid membawa rokok (n=135)	.93	.30
Takwim PPDa (n=144)	.92	.30
Carta Organisasi Jawatankuasa PPDa (n=145)	.92	.28
Fail Pengurusan PPDa (n=140)	.91	.32
Pekeliling Pencegahan Dadah (n=140)	.90	.37
Jawatankuasa PPDa (n=142)	.89	.31
Bilik sumber/Sudut/Laluan PPDa (n=141)	.86	.35
Visi,Misi,Perancangan,Pelaksanaan,Pemantauan & Pelaporan PPDa (n=139)	.85	.36
Rekod penglibatan murid dengan aktiviti PPDa (n=141)	.75	.43
Program keibubapaan (n=135)	.73	.52
PPDa dalam Perkembangan Staf (n=142)	.68	.52
Penganugerahan sijil pengiktirafan PPDa kepada murid (n=138)	.64	.66
Rekod murid terlibat dengan dadah/rokok/inhalan/alkohol (n=138)	.63	.54
Kajian PPDa/Program Inovasi (n=128)	.55	.64
Min Keseluruhan	.78	.42

Jadual 3 menunjukkan program-program yang dijalankan di sekolah kajian dalam aspek kurikulum. Dapatan kajian menunjukkan Mesej PPDa merupakan program yang paling banyak dijalankan di sekolah-sekolah kajian (Min=.97, SP=.17). Program-program lain yang dijalankan adalah PPDa dalam KBSR (Min=.96, SP=.20) diikuti dengan Ceramah PPDa (Min=.86, SP=.37), Pameran PPDa (Min=.85, SP=.36) dan Program PROSIDAR (Min=.74, SP=.55). Program yang paling kurang dijalankan di sekolah kajian ialah Program PINTAR (Min=.72, SP=.38).

Jadual 3: Aktiviti-Aktiviti yang Dijalankan Di peringkat Sekolah Dalam Aspek Kurikulum (n=793)

Kurikulum	Min	SP
Mesej PPDa (n=140)	.97	.17
PPDa dalam KBSR (n=140)	.96	.20
Ceramah PPDa (n=139)	.86	.37
Pameran PPDa (n=137)	.85	.36
Program PROSIDAR (n=133)	.74	.55
Program PINTAR (n=104)	.72	.63
Min Keseluruhan	.85	.38



Jadual 4 pula menunjukkan program-program yang dijalankan di sekolah kajian dalam aspek ko-kurikulum seperti mewarna poster, melukis poster, Minggu PPDa, deklamasi sajak, kuiz, boria dan folio. Daripada hasil dapatan kajian, mewarna poster merupakan program yang paling banyak dijalankan di sekolah-sekolah kajian dengan peratus sebanyak 92 peratus (Min=.92, SP=.23). Seterusnya diikuti dengan pertandingan melukis poster (M=.88, SP=.35) dan Minggu PPDa (Min=.86, SP=.45), deklamasi sajak (Min=.80, SP=.45) dan kuiz sebanyak 71 peratus (Min=.71, SP=.58). Terdapat dua program yang kurang dijalankan di sekolah kajian ialah boria (Min=.67, SP=.72) dan folio (Min=.56, SP=.65).

Jadual 4: Aktiviti-Aktiviti yang Dijalankan di Peringkat Sekolah dalam Aspek Ko-Kurikulum (n=938)

Ko-Kurikulum	Min	SP
Mewarna poster (n=141)	.92	.23
Melukis poster (n=143)	.88	.35
Minggu PPDa (n=138)	.86	.45
Deklamasi sajak (n=140)	.80	.45
Kuiz (n=128)	.71	.58
Boria (n=129)	.67	.72
Folio (n=119)	.56	.65
Min Keseluruhan	.77	.49

Jadual 5 di bawah merupakan program-program yang dijalankan di sekolah-sekolah kajian dalam aspek pembentukan sahsiah. Didapati sebanyak 82 peratus (Min=.82, SP=.47) daripada sekolah kajian menjalankan program Kursus Kepimpinan Murid untuk pembentukan sahsiah murid-murid. Ia diikuti dengan Program Waja Diri di sekolah kajian (Min=.68, SP=.65). Manakala program yang paling kurang dijalankan di sekolah kajian ialah program Nafas Segar iaitu hanya setakat 52 peratus (Min=.52, SP=.62).

Jadual 5: Aktiviti-Aktiviti yang Dijalankan di Peringkat Sekolah dalam Aspek Pembentukan Sahsiah (n=938)

Pembentukan Sahsiah	Min	SP
Kursus Kepimpinan Murid (n=138)	.82	.47
Program Waja Diri (n=124)	.68	.65
Nafas Segar (n=124)	.52	.62
Min Keseluruhan	.67	.58



Jadual 6 menunjukkan keputusan analisis pelaksanaan PPDa di sekolah. Dapatan membuktikan Pertandingan Melukis/Mewarna/Melukis Poster (Min=.91, SP=.29) merupakan aktiviti paling popular manakala nilai min item kedua tertinggi ialah *Ceramah Antidadah* (Min=.82, SP=.38). Aktiviti pelaksanaan PPDa lain yang sederhana popular termasuk *Program Minggu Antidadah* (Min=.73, SP=.44), Deklamasi Sajak (Min=.71, SP=.45), Program Mesej Jauhi Dadah (Min=.70, SP=.46), Kuiz Antidadah (Min=.67, SP=.47), Bilik/Laluan/sudut Pameran PPDa (Min=.63, SP=.48), dan Program PINTAR (Min=.52, SP=.50). Manakala, aktiviti lain seperti Kem PINTAR (Min=.39, SP=.49) dan Program PROSIDAR (Min=.30, SP=.46) telah menunjukkan min yang rendah kerana menghadapi masalah kekurangan ketrampilan guru dan latihan dalam pelaksanaan kedua-dua program di sekolah.

Jadual 6: Pelaksanaan PPDa di Sekolah (n=3468)

Pelaksanaan PPDa di Sekolah	Min	SP
Pertandingan Melukis/Mewarna/Melukis Poster (n=3464)	.91	.29
Ceramah Antidadah (n=3468)	.82	.38
Minggu Antidadah (n=3460)	.73	.44
Deklamasi Sajak (n=3442)	.71	.45
Program Mesej Jauhi Dadah (n=3441)	.70	.46
Kuiz Antidadah (n=3446)	.67	.47
Bilik/Laluan/Sudut Pameran PPDa (n=3437)	.63	.48
Program PINTAR (n=2918)	.52	.50
Kem PINTAR (n=2898)	.39	.49
Program PROSIDAR (n=3429)	.30	.46
Min Keseluruhan	.61	.23

Selain daripada program-program PPDa yang dijalankan oleh sekolah rendah di seluruh negara, kajian ini juga mendapati agensi luar turut terlibat dalam menjayakan program ini. Jadual 7 menunjukkan senarai agensi-agensi berkaitan yang terlibat dalam menjayakan program-program PPDa di sekolah. Secara keseluruhannya, pihak AADK merupakan agensi yang paling banyak terlibat dengan pelaksanaan PPDa di sekolah (44.6%). Manakala pihak PDRM pula mewakili (26.4%), PEMADAM (12.2) dan PIBG (11.6%). Agensi-agensi lain yang turut bekerjasama dengan pihak sekolah dalam pelaksanaan PPDa adalah Kementerian Kesihatan (1.8%), Penjara (1.5%), JPJ (0.9%) dan Pejabat Pelajaran Daerah (0.62%).



Jadual 7: Senarai Agensi yang Terlibat Dalam Pelaksanaan PPDa di Sekolah (n=318)

Senarai Agensi	Kekerapan	Peratus (%)
AADK	142	44.6
PDRM	84	26.4
PEMADAM	39	12.2
PIBG	37	11.6
KEMENTERIAN KESIHATAN	6	1.8
PENJARA	5	1.5
JPJ	3	0.9
PPD	2	0.62
Total Keseluruhan	318	100.00

Dapatan dari soal selidik murid menunjukkan bahawa jumlah program PPDa yang telah dijalankan di sekolah kajian ialah sebanyak 318 buah program/aktiviti (Jadual 8). Antara pelbagai program/aktiviti yang dijalankan, program ceramah merupakan program yang paling kerap dijalankan (n=195) dan mendominasi secara keseluruhan program dilaksanakan iaitu 61.30%. Ini diikuti dengan program pameran sebanyak 27%. Lain-lain program ialah usaha kolaborasi antara pihak atasan dengan pihak sekolah dalam menjalankan kuiz, sukaneka, risalah, tayangan video, demonstrasi anjing pengesan dadah dan program sekolah anak angkat.

Jadual 8: Jenis-jenis Program Berkaitan PPDa yang Dijalankan di Sekolah (n=318)

Jenis Program	Kekerapan	Peratus (%)
Ceramah	195	61.30
Pameran	86	27.00
Lain-lain	12	3.77
Risalah	7	2.20
Tayangan Video	7	2.20
Poster	6	1.80
Demostrasi Anjing	4	1.20
Kuiz	3	0.94
Lawatan	3	0.94
Sukaneka	1	0.31
Sekolah Angkat	1	0.31
Total Keseluruhan	318	100



Daripada Jadual 9 di bawah, dapatan daripada soal selidik murid juga turut menunjukkan jenis-jenis program PPDa yang telah dilaksanakan di sekolah dengan kerjasama dari agensi-agensi yang terlibat. Di antara semua program yang dilaksanakan, program ceramah merupakan program yang paling banyak dan kerap dilakukan di sekolah kajian iaitu dengan kekerapan sebanyak 181 kali dan dianjurkan oleh pelbagai pihak seperti AADK(n=86), PDRM(n=60), PEMADAM(n=18), Penjara(n=3), Kementerian Kesihatan(n=3), PIBG(n=7), JPJ(n=3) dan JKKK(n=1). Pameran merupakan program yang kedua kerap dilakukan di sekolah kajian iaitu sebanyak 76 kali dan dianjurkan oleh AADK(n=42), PDRM(n=15), PEMADAM(n=14), Penjara(n=2) dan JKKK(n=3). Ini diikuti oleh lain-lain program iaitu sebanyak 70 kali yang dianjurkan oleh AADK(n=4), PDRM(n=5), PEMADAM(n=1), Kementerian Kesihatan(n=2), PIBG(n=30), PPD(n=2) dan lain-lain agensi(n=26). Dua buah program yang kurang kerap dijalankan di sekolah kajian ialah melukis poster dan tayangan video dengan masing-masing sebanyak 16 dan 10 kali. Dalam kajian ini, pertandingan melukis poster telah dianjurkan oleh AADK(n=3), PEMADAM(n=3) dan Kementerian Kesihatan (n=10). Sementara tayangan video pula dianjurkan oleh AADK dan lain-lain agensi. Manakala dua buah program yang paling sedikit dan tidak kerap dilakukan di sekolah kajian ialah demonstrasi dan kuiz dengan masing-masing sebanyak 4 dan 3 kali. Demonstrasi telah dianjurkan oleh PDRM(n=4) dan Kuiz telah dianjurkan oleh PEMADAM(n=3).

Jadual 9: Senarai Agensi dan Jenis-jenis Program PPDa di Sekolah

Agensi	Ceramah	Pameran	Kuiz	Video	Dem o	Poster	Lain- Lain
AADK	86	42	-	2	-	3	4
PDRM	60	15	-	-	4	-	5
PEMADAM	18	14	3	-	-	3	1
Penjara	3	2	-	-	-	-	-
Kem kesihatan	3	-	-	-	-	10	2
PIBG	7	-	-	-	-	-	30
JPJ	3	-	-	-	-	-	-
PPD	-	-	-	-	-	-	2
JKKK	1	3	-	-	-	-	-
Lain-lain				8			26
Total	181	76	3	10	4	16	70



Secara keseluruhannya, terdapat sedikit perbezaan dalam dapatan kajian soal selidik murid dan temubual yang dijalankan terhadap guru (10 orang Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, tujuh orang setiausaha PPDa dan lapan orang kaunselor sekolah). Mengikut dapatan kajian dari murid-murid, program seperti pertandingan melukis/mewarna/melukis poster adalah lebih diminati. Ini diikuti oleh ceramah antidadah, minggu antidadah, deklamasi sajak, program mesej jauhi dadah, kuiz antidadah, bilik/laluan/sudut pameran PPDa, program PINTAR, kem PINTAR dan akhir sekali program PROSIDAR. Responden guru-guru yang ditemubual pula berpendapat program yang paling berkesan dalam meningkatkan pengetahuan murid tentang bahaya dadah ialah program PINTAR. Ini diikuti dengan pameran, ceramah, PROSIDAR, SLAD dan tayangan video. Dapatan ini juga selari dengan maklumat yang diperolehi mengenai program paling berkesan dalam meningkatkan kemahiran guru dalam pengendalian PPDa apabila responden bersetuju bahawa PROSIDAR dan PINTAR merupakan program yang paling mantap dan berkesan. Selain itu, pendedahan kepada program PPDa seperti menjalankan kursus, seminar dan perkembangan staf turut juga dirasai sebagai program yang amat penting kepada responden yang terlibat.

IMPLIKASI KAJIAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa secara umumnya program yang dijalankan di sekolah meliputi empat aspek utama iaitu pengurusan dan kepimpinan, kurikulum, ko-kurikulum dan pembentukan sahsiah. Pihak pengurusan sekolah telah menjalankan tanggungjawab mereka seperti yang telah ditetapkan, akan tetapi terdapat pelaksanaan beberapa perkara masih berada pada tahap yang sederhana. Zukhairi dan Mahmood (2007) menegaskan bahawa akibat peningkatan bilangan penagih dadah yang dikesan setiap tahun telah memberi gambaran bahawa strategi antidadah yang digunakan sejak penggubalannya pada tahun 1983 mungkin belum dapat memberi impak seperti yang diharapkan. Justeru itu, pemantauan, dan penilaian program seharusnya dijalankan secara konsisten agar masalah dan strategi dapat dikesan segera.



Hasil kajian menunjukkan bahawa program penting PPDa seperti Program PROSIDAR dan program PINTAR hanya dilaksanakan pada tahap sederhana di sekolah. Implikasi dapatan ini dapat dijelaskan dengan kekurangan modul dan latihan diberikan kepada pihak sekolah bagi menjalankan aktiviti PPDa seperti yang telah termaktub dalam Perancangan Strategik 5 Tahun Pendidikan Pencegahan Dadah 2007-2011 (Bahagian Sekolah, 2006). Selain itu, ketidaktepatan pemfokusan kumpulan sasaran juga merupakan satu faktor yang perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Biasanya murid lelaki bermasalah dalam pembelajaran selalu tidak disertakan dalam program-program PPDa yang dilancarkan atas sebab tidak berminat, ponteng ataupun tidak dipilih untuk menyertai pertandingan kerana pencapaian pembelajaran mereka yang kurang memuaskan. Namun, golongan ini yang sebenarnya merupakan golongan paling berisiko tinggi dalam penyalahgunaan dadah seharusnya diberi perhatian yang sewajarnya.

Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan kekurangan tenaga pengajar dan modul panduan menjadi sebab utama mengapa program PPDa sukar dijalankan di sekolah. Selain itu, peruntukan yang diluluskan untuk sekolah menjalankan program PPDa adalah mengikut bilangan pelajar di sesebuah sekolah tersebut. Justeru itu, peruntukan yang besar diberikan kepada sekolah-sekolah yang mempunyai bilangan murid yang lebih ramai berbanding sekolah yang mempunyai bilangan pelajar yang lebih sedikit.

KESIMPULAN

Hasil kajian telah jelas menunjukkan bahawa walaupun banyak program pendidikan pencegahan dadah telah dilaksanakan di sekolah rendah di Malaysia, tetapi keberkesanan program yang dilaksanakan masih belum mencapai tahap yang diinginkan agar matlamat negara bebas dadah 2012 dapat direalisasikan. Justeru itu, komitmen sepenuhnya daripada pihak pengurusan sekolah dan guru-guru diperlukan supaya pelaksanaan PPDa dapat dilaksanakan dengan berkesan di sekolah. Langkah-langkah pencegahan di sekolah perlu dirancang dengan lebih baik agar dapat meningkatkan keberkesanan pendidikan pencegahan penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar sekolah. Dalam pada itu, struktur, pengisian dan penyampaian PPDa perlu diperincikan dan ditambahbaik agar lebih efektif. Secara



keseluruhan, struktur program PPDa perlu dirancang dengan lebih teratur, manakala pengisian PPDa perlu lebih menitikberatkan pemberian infomasi, kemahiran dan strategi penyampaian kepada guru pelaksana. Selain itu, pemerhatian kerap dari pihak pengurusan sekolah dan kerjasama dari pihak komuniti/ PIBG adalah juga amat diperlukan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan PPDa di sekolah dan membantu mesyarakat dalam membanteras ancaman penyalahgunaan dadah di kalangan murid.

RUJUKAN

- Agensi Antidadah Kebangsaan (2007a). *Jurnal Antidadah Malaysia: Malaysian Anti Drugs Jurnal*, Bil 1, Jun 2007, Issn 1985-2007. Agensi Antidadah Kebangsaan dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Putrajaya.
- Agensi Antidadah Kebangsaan (2007b). *Jurnal Antidadah Malaysia: Malaysian Anti Drugs Jurnal*, Jld 1, No 2, Disember 2007, Issn 1985-2007. Agensi Antidadah Kebangsaan dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Putrajaya.
- AADK (2007a). *Maklumat Dadah 2006*. Putrajaya: Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.
- Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia (2006). *Perancangan Strategik 5 Tahun Pendidikan Pencegahan Dadah 2007-2011*. Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2005). *Research Methods in Education*. 5th. Ed. London: Routledge/Falmer.
- KPM (2003). *Panduan Pelaksanaan Pendidikan Pencegahan Dadah di Sekolah*. Kuala Lumpur: Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Krejcie dan Morgan (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30, 607-610.
- Mohd Muzafar Shah Mohd Razali & Abdul Malek Abdul Rahman (2005). Peranan Kaunselor dalam Mencegah Penyalahgunaan Dadah di Kalangan Pelajar Sekolah. Kertas kerja yang dibentangkan di *Konvensyen Persatuan Kaunseling Malaysia* anjuran Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA). ESSET, Bangi. 24-26 Jun.



Sekolah Kebangsaan Wangsa Maju (2008). Laporan dan Dokumentasi PPDa . SK
Wangsa
Maju, Seksyen 2, Kuala Lumpur.